

SULIT

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024

3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN

Tingkatan 5

Kertas 2

September

2¹/₂ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.
3. Bersama-sama dengan kertas soalan ini, tiap-tiap calon diberi alat tulis perakaunan berikut:

Buku Tunai 2 helai

Jurnal 2 helai

Lejar 5 helai

4. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
5. Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan. Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Mulakan tiap-tiap jawapan anda pada helaian yang baharu
7. Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan dibenarkan.

Bahagian A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan.

1 (a) Nyatakan prinsip, andaian atau batasan dalam perakaunan bagi situasi berikut:

- (i) Encik David menggunakan kaedah pengiraan susutnilai yang sama bagi semua kenderaan perniagaan beliau.
- (ii) Puan Sandra merekod bayaran insurans peribadi beliau di dalam Akaun Ambilan dan bukannya dalam Akaun Insurans.

[2 markah]

(b) Kenalpastikan dokumen yang digunakan dalam urusniaga berikut:

Urusniaga	Dokumen
Pemilik membawa masuk sebuah kenderaan untuk kegunaan perniagaan.	
Membeli sebuah alat penghawa dingin daripada Kedai Elektrik Mewah secara kredit.	

[2 markah]

(c) Maklumat berikut diambil daripada Kedai Perabot Ramlee pada 30 September 2023.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2023	X	RM2 000	
Sept. 01	Y (Mengambil satu set sofa untuk Kegunaan keluarga)		RM2 000

Apakah X dan Y?

[2 markah]

(d) Sekiranya tiada Perjanjian Perkongsian atau Ikatan Perkongsian antara rakan kongsi maka Akta Perkongsian 1961 adalah terpakai.

Nyatakan **dua** peruntukan yang terkandung dalam akta berkenaan.

[2 markah]

(e) Maklumat berikut diambil dari buku Kelab Staf SMK Balung pada 30 April 2024.

1 Mei 2023 (RM) 30 April 2024 (RM)

Yuran belum terima	500	300
Yuran belum terperoleh	200	400

Bendahari kelab melaporkan bahawa jumlah kutipan yuran yang dimasukkan ke dalam bank bagi tahun berakhir 2024 ialah sebanyak RM12000.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Yuran pada 30 April 2024.

[2 markah]

2. Cik Sharifah Nur Zahirah ialah pemilik SNZ Enterprise yang beroperasi di Bandar Sri Bintang, Tawau, merupakan perniagaan yang membekalkan peralatan perkhemahan. Pada 30 September 2023, beliau telah mendapat pinjaman insentif Usahawan Muda Madani berjumlah RM50 000 selama 5 tahun dengan kadar faedah 4% setahun. Berikut merupakan Imbangan Duga SNZ Enterprise pada 30 September 2024.

Imbangan Duga pada 30 September 2024

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Oktober 2023		72000
Inventori pada 1 Oktober 2023	1850	
Kenderaan (kos)	50000	
Kelengkapan kedai (kos)	30000	
Susut nilai terkumpul:		
Kenderaan		10000
Kelengkapan kedai		8200
Akaun belum terima dan Akaun belum bayar	8200	5250
Pinjaman		40000
Peruntukan hutang ragu		535
Bank	51770	
Tunai	750	
Belian dan Jualan	24000	58545
Pulangan	560	450
Ambilan	1200	
Angkutan masuk	250	
Alat tulis	200	
Deposit kadar bayaran	400	
Insurans	2400	
Gaji	16500	
Kadar bayaran	2400	
Sewa	3500	
Faedah Pinjaman	1500	
Komisen		500
	195480	195480

Maklumat tambahan pada akhir tempoh perakaunan:

- i. Inventori pada 30 September 2024 dinilai mengikut harga kos RM5 200.
- ii. Inventori akhir alat tulis pada 30 September 2024 ialah RM50.
- iii. Gaji pekerja ialah RM1 500 sebulan.
- iv. Insurans yang dibayar adalah untuk tempoh setahun sehingga 31 Disember 2024.
- v. Polisi susut nilai untuk Aset Bukan Semasa adalah seperti berikut:

Aset Bukan Semasa	Peratus Susut nilai setahun	Kaedah Susut nilai
Kenderaan	10%	Garis lurus
Kelengkapan kedai	20%	Baki berkurangan

- vi. Sekeping nota kredit bernilai RM300 yang telah dihantar kepada pelanggan terlupa untuk direkodkan dalam mana mana buku.
- vii. Peruntukkan hutang ragu atas baki Akaun belum terima ialah 5%.
- viii. Pada 30 September 2024, perniagaan menerima bil elektrik daripada Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) berjumlah RM740. Butiran bil tersebut adalah seperti berikut:

KOD STESEN: 3801	
NO. AKAUN: 116988	
AMAUN CAGARAN: 400.00	
KOD CAGARAN: TUNAI	
TARIKH: 30-09-2024	
BIL SEMASA: 540.00	
TAMBAHAN CAGARAN: 200.00	
JUMLAH PERLU DIBAYAR: 740.00	

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2024. [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2024 .(tunjukkan modal kerja) [12 markah]

3. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Kilang Indah pada 31 Disember 2023.

	1 Januari 2023 RM	31 Disember 2023 RM
Inventori:		
Barang siap	5400	6000
Bahan langsung	12000	8200
Kerja dalam proses	4500	3000
Alat-alat kecil	250	300
Upah buruh langsung		45000
Belian alat kecil		1200
Mesin (kos)		60000
Susut nilai terkumpul mesin		24000
Belian bahan langsung		130000
Royalti		4500
Sewa		12000
Pulangan belian bahan langsung		3000
Gaji pengurus kilang		15000
Gaji pentadbiran pejabat		12000
Jualan		270000
Insurans kilang		4800
Kadar bayaran		12800
Belanja penyelenggaraan mesin		8300
Belanja am kilang		2700

Maklumat tambahan:

- (a) Agihan perbelanjaan antara kilang dan pejabat adalah seperti berikut:

	Kilang (%)	Pejabat (%)
Sewa	70	30
Kadar bayaran	80	20

- (b) Insurans kilang yang dibayar adalah untuk tempoh setahun bermula 1 Julai 2023.
 (c) Belanja am kilang belum dibayar RM500.
 (d) Mesin disusutnilaikan 10% mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Alat alat kecil. [3 markah]
 (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [16 markah]
 (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [6 markah]



Bahagian B

[40 markah]

*Jawab **dua** soalan sahaja.*

4. Pada 1 Julai 2023, Puan Shamsinar memulakan perniagaan Batik Kraf Sinar dengan modal yang terdiri seperti berikut:

	RM
Tunai di bank	5 800
Premis	80 000
Lengkapan	2 700
Deposit kadar bayaran	200

Beliau tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Pada 30 Jun 2024, maklumat berikut telah diperolehi daripada perniagaannya:

- (i) Aset dan liabiliti:

	RM
Premis	80 000
Deposit kadar bayaran	200
Lengkapan	5 200
Tunai di bank	3 560
Simpanan tetap	5 000
Inventori	11 780
Akaun Belum Terima	6 540
Akaun Belum Bayar	3 602
Sewa belum terima	800
Kadar bayaran belum bayar	240

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 31 Disember 2023, Puan Shamsinar membeli almari pameran RM2 500 untuk kegunaan kedai dengan menggunakan wang peribadinya.
- (ii) Sepanjang tempoh perakaunan berakhir 30 Jun 2024, beliau telah mengambil barang niaga RM960 dan mengeluarkan cek perniagaan RM340 untuk kegunaan keluarganya.

- (iii) Pada 31 Mac 2024, Puan Shamsinar telah dimaklumkan bahawa satu Akaun Belum Terima telah muflis dan hutangnya berjumlah RM590 perlu dihapus kira sebagai hutang lapuk. Perkara ini belum diambil sebarang tindakan.
- (iv) Pulangan barang niaga kepada pembekal RM375 kerana tersalah jenama belum direkod dalam mana-mana buku perniagaan.
- (v) Simpanan tetap sebanyak RM5 000 telah dibuat pada 1 Januari 2024 dan menerima faedah 3% setahun.
- (vi) Puan Shamsinar bercadang membuat pelarasan bagi perkara berikut:
 - (a) Susutnilai 10% setahun ke atas kos lengkapan
 - (b) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Mengira Modal pada 30 Jun 2024 [10 markah]
- (b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024 [5 markah]
- (c) Bahagian Ekuiti Pemilik Penyata Kedudukan Kewangan Pada 30 Jun 2024. [5 markah]

5. Imbangan duga berikut telah disediakan oleh Perniagaan Ryzen pada 31 Oktober 2023.

Perniagaan Ryzen
Imbangan Duga pada 31 Oktober 2023

	Debit	Kredit
	RM	RM
Perabot	11 800	
Alatan pejabat	13 600	
Bank	35 190	
Tunai	1 020	
Inventori pada 1 November 2022	10 150	
Akaun belum berima dan Akaun belum bayar	1 200	6 120
Belian dan Jualan	28 200	54 650
Modal pada 1 November 2022		66 000
Angkutan masuk	620	
Angkutan keluar	950	
Komisen		450
Pulangan jualan	320	
Sewa	5 200	
Gaji	18 670	
Ambilan	300	
	127 220	127 220

Kesilapan berikut telah dikesan selepas penyediaan Imbangan Duga di atas.

- i. Belian perabot berharga RM2 200 telah tersilap catat dalam Akaun Belian.
- ii. Angkutan masuk RM440 tersilap catat sebagai angkutan keluar.
- iii. Akaun sewa termasuk RM400 untuk pembayaran sewa rumah kediaman anak pemilik.
- iv. Ambilan barang untuk tujuan promosi bernilai RM350 terlupa direkodkan dalam mana-mana buku.
- v. Jualan termasuk jualan perabot lama bernilai RM800.
- vi. Jualan barang niaga kepada seorang pelanggan bernilai RM840 telah direkod sebagai RM480 di dalam Akaun Jualan.

Anda dikehendaki:

- (a) Membetulkan kesilapan-kesilapan di atas melalui Jurnal Am. (Keterangan tidak perlu disediakan) [12 markah]
- (b) Menyediakan semula Imbangan Duga selepas semua kesilapan dibetulkan. [8 markah]

- 6 (a) Anda dikehendaki membantu Encik Hassan untuk mengukur prestasi perniagaan beliau berdasarkan maklumat berikut:

	RM
Jualan	84 180
Belian	55 300
Inventori pada 1 Januari 2023	4 200
Modal pada 1 Januari 2023	50 500
Pelbagai Belanja	16 740
Komisen diterima	350

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2023 adalah RM5000.

(a) Anda dikehendaki:

- (i) Menghitung:
 (a) Kos Jualan
 (b) Kadar pusing ganti inventori
 (c) Tokokan
 (d) Margin untung kasar
 (e) Margin untung bersih
 (f) Pulangan atas modal

[12 markah]

- 6(b) Nina adalah pemilik Butik Nina di Tawau, Sabah. Beliau menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan nilai panjar RM200.

Urus niaga berikut diambil daripada buku Butik Nina.

Tarikh		Butir	RM
2024			
Mac	1	Baki buku tunai runcit	70
		Rekupmen dengan cek	?
	5	Bayaran bungkusan pos	60
	12	Bayaran kertas A4	35
	20	Bayaran untuk setem dan pos	15
	23	Bayaran upah mencuci pejabat	30
	25	Bayaran pewangi pejabat	10

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit bagi bulan Mac 2024 dengan menunjukkan rekupmen bulan berikutnya. Tunjukkan lajur Alat Tulis, Belanja Pos dan Belanja Pejabat.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT